

STATUS AUTONOMI

» UA sasar peningkatan penjanaan kewangan sendiri

Oleh Noor Azlina Zainudin

azlina.z@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Lima Universiti Awam (UA) yang baharu menerima status autonomi tahun ini berazam meneruskan agenda kecemerlangan universiti khususnya dalam memperkasa aktiviti penjanaan kewangan, meningkatkan integriti dan kecekapan

sistem tadbir urus dalaman.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Musa Ahmad, berkata USIM menyasarkan peningkatan penjanaan kewangan sehingga 20 peratus daripada keperluan bajet operasi tahun ini.

Bagi mencapai hasrat itu, katanya, pelbagai pelan tindakan akan dilaksanakan antaranya melaburkan dana dalam pelaburan yang kompetitif dan patuh syariah, menonjolkan USIM sebagai penyedia penyelesaian kepada industri berkaitan seperti industri halal dan memperkasa anak syarikat.

© U2

Komitmen, sumbangan jayakan agenda kecemerlangan

◀ Dari muka 1

"Pelan turut meliputi peningkatan sumbangan pelbagai dana wakaf, zakat dan endowmen selain mewujudkan perkhidmatan swasta patuh syariah bagi menjana pendapatan melalui projek Islamic Medical Tourism dengan menubuhkan Hospital Pakar USIM, Perkhidmatan Pengurusan FATWA Sedunia dan Klinik Pakar Wakaf Bergerak bagi memenuhi keperluan masyarakat.

"Segala projek penjanaan kewangan ini selaras dengan pemberian kuasa autonomi yang baharu diterima serta akan dijalankan secara sistematik dan strategik," katanya kepada *BH Varsiti* ketika dihubungi, baru-baru ini.

USIM antara lima UA yang menerima status autonomi tahun ini selain Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Univer-

siti Teknologi MARA (UITM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Teknikal Melaka (UTeM).

Sebelum ini, tujuh UA lain sudah menerima status berkenaan iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Amanah besar

Sementara itu, Naib Canselor UMT, Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, menyifatkan status autonomi sebagai pengiktirafan kerajaan terhadap UMT dari perspektif pengurusan dan dianggap sebagai amanah serta tanggungjawab besar yang perlu dilaksanakan untuk meningkatkan kecemerlangan.

Sebagai persediaan awal, katanya, peraturan kewangan



Dr Musa Ahmad

baharu bersifat korporat akan digunakan untuk mengurus dana yang bukan daripada geran mengurus kerajaan selain pelaksanaan Blueprint Kelestarian Kewangan.

"Untuk itu, kita telah mempelbagaikan sumber kewangan dan mengurangkan kebergantungan penuh kepada geran kerajaan dengan menambah dua sumber baharu iaitu pendapatan dalaman melalui pelaburan dan perniagaan universiti serta endowmen



Dr Ibrahim Komoo

(swasta, komuniti, alumni, staf dan pelajar).

"Menerusi dua sumber ini, dianggarkan UMT boleh menjana kewangan sehingga 30 peratus menjelang tahun 2030 dan meningkat kepada 50 peratus pada tahun 2050," katanya.

Langkah rasionalisasi

Bagi Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Dr Shahrin Sahib @ Sahibuddin, pemberian autonomi memberi peluang kepada UTeM untuk terus

berdaya saing dan berinovasi tinggi dalam melahirkan suasana pembelajaran kondusif serta melahirkan graduan berkualiti.

Sehubungan dengan itu, katanya, autonomi dan kebertanggungjawaban perlu diserap kepada semua peringkat universiti bagi memastikan segala perancangan dan hala tuju dapat direalisasikan.

"Kesan daripada ketidak-tentuan ekonomi negara, kami akan terus komited membantu kerajaan terutama dalam aspek pengurusan kewangan berhemah dan penjimatan melalui langkah merasionalisasi serta mengoptimalkan perbelanjaan.

"UTeM juga akan melipatgandakan aktiviti penjanaan pendapatan bagi mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kewangan kerajaan pusat seterusnya mempergiat sumber kewangan menerusi anak syarikat sedia ada," katanya.